



SIARAN MEDIA

‘MALAYSIA MADANI: KESEJAHTERAAN DINIKMATI’ TEMA HARI KEBANGSAAN DAN HARI MALAYSIA 2026

PUTRAJAYA, 26 Jun 2026 – Menteri Komunikasi merangkap Pengerusi Jawatankuasa Induk Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia (HKHM) 2026, YB Datuk Fahmi Fadzil, hari ini mengumumkan logo dan tema Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia (HKHM) 2026, iaitu **“Malaysia MADANI: Kesejahteraan Dinikmati”**.

Tema tahun ini mencerminkan komitmen Kerajaan dalam membina sebuah negara yang maju, inklusif dan sejahtera berteraskan gagasan Malaysia MADANI. Berpaksikan nilai-nilai keadilan, kemanusiaan dan kebajikan, tema ini menegaskan bahawa kesejahteraan negara hendaklah dinikmati secara adil dan menyeluruh oleh seluruh rakyat tanpa pengecualian.

Sambutan Bulan Kebangsaan 2026 akan dimulakan dengan penganjuran Majlis Peluncuran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2026 pada 18 Julai 2026 di Perak, diikuti dengan Sambutan Hari Kebangsaan pada 31 Ogos 2026 di Putrajaya serta Sambutan Hari Malaysia pada 16 September 2026 di Sarawak. Sepanjang Bulan Kebangsaan, pelbagai program dan aktiviti pengisian akan dilaksanakan bagi menyemarakkan semangat patriotisme, kebersamaan serta cintakan negara. Antaranya termasuk Kembara Bahasa HKHM, *Quran Hour*, 1Rumah 1Jalur Gemilang (1R1JG), Ambang Merdeka, Kira Detik Merdeka, RIUH Merdeka dan Majlis Memperingati Negarawan.

Orang ramai boleh melayari Portal Rasmi *Merdeka360* untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai promosi, jadual program serta pelbagai aktiviti lain yang akan dilaksanakan di peringkat kebangsaan, kementerian dan negeri sempena sambutan HKHM 2026.

Turut hadir Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi, YBhg. Datuk Abdul Halim Hamzah dan Ketua Pengarah Jabatan Penerangan Malaysia, YBrs. Encik Erwin Khairul Ahmad.

Disediakan oleh:
**Jawatankuasa Media dan Publisiti
Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2026
Jabatan Penerangan Malaysia**